



Anwar diiringi Mohd Na'im ketika melawat Masjid Besar Astana di Kazakhstan, semalam. (Foto BERNAMA)

Kyrgyz luah hasrat khidmat penasihat dari Malaysia

Permintaan republik sebagai tanda penghormatan, pengiktirafan

Bishkek: Republik Kyrgyz menzahirkan hasrat kepada Malaysia untuk melantik penasihat kepada kerajaan negara itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata, permintaan itu dinyatakan rakan sejawatnya, Pengerusi Menteri-Menteri Kabinet Republik Kyrgyz, Akylbek Zhaparov, kelmarin.

"Beliau kalau boleh minta supaya (kita) melantik seseorang yang boleh menjadi penasihat kepada kerajaan (Republik Kyrgyz). Itu tahap penghormatan dan pengiktirafan mereka kepada kerajaan Malaysia.

"Maknanya, apabila hendak berunding tentang soal seperti penswastaan, projek-projek hidro, lebuh raya atau penggalian emas umpamanya, mereka minta kalau boleh kita beri nasihat dan (kongsi) pengalaman kita untuk bantu," katanya.

Perdana Menteri berkata de-

mikian kepada media Malaysia pada sidang media sempena lawatan rasmi dua hari beliau ke republik itu atas jemputan Presiden Sadyr Zhaparov.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata hasrat kerajaan Republik Kyrgyz itu akan dibincang pada mesyuarat Jemaah Menteri akan datang.

Perdana Menteri juga berpandangan lantikan seorang penasihat itu bukan hanya bersifat hubungan dua hala, tetapi juga memberi peluang kepada pelabur dari Malaysia memandangkan terdapat pelbagai bidang kerjasama untuk diterokai antara kedua-dua negara.

Beliau juga berkata, antara perkara yang menarik perhatian negara itu terhadap Malaysia ialah sektor halal dan Lembaga Tabung Haji kerana Republik Kyrgyz amat berminat untuk mengetahui secara terperinci mengenai pengurusan haji dan pentadbiran badan berkenaan.

Sementara itu, Anwar tiba di Kazakhstan semalam untuk lawatan rasmi sulungnya selama dua hari, bagi mengukuhkan lagi hubungan terjalin di antara kedua-dua negara yang menjangkau lebih tiga dekad.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri mendarat di La-

pangan Terbang Antarabangsa Nursultan Nazarbayev pada jam 1 tengah hari (4 petang waktu Malaysia), selepas berlepas dari Bishkek, Kyrgyzstan.

Turut sama dalam delegasi Perdana Menteri ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Lawatan terakhir Perdana Menteri Malaysia ke Kazakhstan, negara Asia Tengah terbesar dengan penduduk hampir 20 juta itu pada 2014.

Sejurus tiba semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan melawat Masjid Besar Astana di sini, masjid terbesar di Asia Tengah dan antara masjid terbesar di dunia, yang berfungsi sebagai pusat keagamaan penting di bandar raya itu.

Selepas melawat Masjid Besar Astana, Perdana Menteri menghadiri majlis sambutan rasmi oleh Presiden Kazakhstan, Kassym-Jomart Tokayev di Istana Presiden (Ak Orda), sebelum kedua-dua pemimpin mengadakan mesyuarat dua hala untuk perbincangan yang lebih meluas. BERNAMA